

BENGKEL KESEDARAN DAN PENGUKUHAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) MARKAS TENTERA UDARA TAHUN 2017

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2524-bengkel-kesedaran-dan-pengukuhan-ekosistem-kondusif-sektor-awam-eksa-markas-tentera-udara-tahun-2017

KUALA LUMPUR, 5 Okt 17 – Bengkel Kesedaran dan Pengukuhan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Markas Tentera Udara bagi Tahun 2017 telah diadakan selama dua hari di Perpustakaan Kementah. Bengkel ini disertai seramai 50 peserta dari keseluruhan zon kawasan tanggungjawab di Markas Tentera Udara.

EKSA merupakan inisiatif *Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit* atau MAMPU dalam menambah baik pelaksanaan Amalan 5S di Sektor Awam dengan mengambil kira keperluan bagi mengetengahkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti.

EKSA bertujuan mewujudkan persekitaran yang kondusif, meningkatkan imej korporat, menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi, menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran melalui pembudayaan amalan hijau, dan elemen pengauditan yang memenuhi kepelbagaian fungsi dan premis agensi kerajaan.

Majlis penutup bengkel ini telah disempurnakan oleh AKS Operasi dan Strategi, YBhg Mej Jen Dato' Kamalruzaman bin Mohd Othman TUDM dan turut dihadiri oleh AKS Kejuruteraan, YBhg Mej Jen Dato' Ir Razali bin Abd Ghani TUDM, Inspektor Jeneral Tentera Udara, YBhg Mej Jen Dato' Johar Razali bin Hj Ahmad TUDM dan Timbalan AKS Operasi P&P, YBhg Brig Jen Dato' Muhamad Norazlan bin Aris TUDM.

